

Ceccon pecah rekod dunia

Budapest: Perenang Itali, Thomas Ceccon meraih pingat emas acara 100 meter kuak lentang lelaki dengan bergaya apabila turut mencatat rekod baharu dunia di Kejohanan Renang Dunia di Budapest kelmarin.

Atlet berusia 21 tahun itu mencatat 51.60 saat, 0.25 saat lebih pantas daripada catatan Ryan Murphy yang dicipta pada 2016.

Juara empat kali Olimpik dari Amerika Syarikat (AS), Murphy meraih perak manakala rakan senegara, Hunter Armstrong ketiga.

Sementara itu juara Olimpik dari Britain, Tom Dean meraih gangsa acara 200 meter gaya bebas lelaki. Jaguh remaja

Romania, David Popovici, 17, meraih emas dan perak milik perenang Korea Selatan, Hwang Sun-woo, 19.

Namun Ceccon paling mencuri tumpuan dengan rekod baharunya.

"Sukar saya jelaskan, di situ ada juara Olimpik 2016 (Murphy) dan perenang lain yang juga hebat, jadi saya sangat gembira," katanya. "Saya tak fikir mengenai rekod sebelum bertanding, saya hanya berenang dengan cara sendiri namun akhirnya sangat menakjubkan." Agensi

